

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
[SEGAMBUT]**

SOALAN

PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN [SEGAMBUT] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan berapa jumlah kos yang dibelanjakan oleh Kementerian dan semua butiran berkaitan bagi melaksanakan 'Kempen Cahayakan Biru' semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Segambut, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menyediakan dua (2) buah video promosi dan publisiti bagi kempen tersebut dengan kos sebanyak RM4,000.00. Rakaman video ini dijalankan di sekitar Kuala Lumpur meliputi bangunan awam dan swasta, premis perniagaan, kediaman bertingkat, masjid dan kawasan-kawasan tumpuan yang menyokong kempen menyalakan lampu biru pada waktu malam sebagai tanda penghargaan dan terima kasih kepada para petugas barisan hadapan.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat juga, DBKL juga telah memuat naik poster digital di LED Fasad Menara DBKL 1, Videomatrik Layer Merdeka di Dataran Merdeka dan dan limpahan cahaya biru di Pintasan Saloma sepanjang tempoh kempen bermula 30 April 2020 sehingga 3 Mei 2020. Ia tidak melibatkan sebarang kos tambahan memandangkan ia merupakan fasiliti dalaman DBKL.

Perbadanan Putrajaya (PPj) juga turut terlibat di dalam menjayakan kempen ini dengan memancarkan limpahan warna biru di gerbang dan fasad kompleks bangunan PPj dengan menggunakan *spotlight* yang disewa sebanyak RM20,000.00. Bagi pencahayaan di struktur bangunan kerajaan dan jambatan sekitar Putrajaya menggunakan pencahayaan sedia ada.

Perbadanan Labuan (PL) juga menjayakan kempen ini dengan memancarkan limpahan warna biru di fasad bangunan PL dan menggunakan khidmat Labuan FM secara percuma untuk membuat video promosi kempen ini bagi PL.

Kempen menggunakan sosial media juga dilaksanakan oleh DBKL, PPj dan PL secara *in house* dan percuma.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
[SEGAMBUT]**

SOALAN NO. 567

PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN [SEGAMBUT] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan untuk pembinaan satu Klinik Kesihatan Segambut memandangkan klinik kesihatan yang berdekatan tidak mampu menampung kapasiti pesakit dan jumlah penduduk Segambut yang semakin bertambah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedia maklum akan keperluan untuk pembinaan Klinik Kesihatan di kawasan Parlimen Segambut yang mempunyai jumlah penduduk yang padat. Buat masa ini, penduduk di parlimen Segambut mendapat perkhidmatan kesihatan dari Klinik Ibu dan Anak (KKIA) Segambut dan Klinik Komuniti (KKOM) Segambut yang telah dinaiktaraf kepada Klinik Kesihatan (Jenis 6). Satu lagi klinik dibawah parlimen Segambut adalah KKOM TTDI yang menyediakan perkhidmatan Ibu dan Anak. Di samping itu, terdapat juga klinik kesihatan kerajaan yang berhampiran dengan Parlimen Segambut iaitu Klinik Kesihatan Jinjang dan Klinik Kesihatan Taman Ehsan.

2. Terdapat perancangan untuk membina klinik kesihatan baharu di kawasan parlimen Segambut bagi menampung keperluan perkhidmatan di klinik kesihatan sedia ada yang semakin bertambah. KKM mempunyai sebidang tanah seluas satu (1) ekar dikawasan Bandar Manjalara,

SOALAN NO. 567

namun keluasan tapak ini tidak mencukupi bagi membina sebuah Klinik Kesihatan. Sehubungan itu, KKM telah mengemukakan permohonan tukarguna tanah tanah milik Kementerian Dalam Negeri (KDN) seluas satu (1) ekar terletak di bersebelahan bagi kegunaan KKM. Sekiranya dipersetujui, ianya akan menjadikan keseluruhan keluasan tanah sebanyak dua (2) ekar dan bersesuaian untuk membina klinik kesihatan yang baharu. Permohonan bagi klinik kesihatan baharu yang terletak di Bandar Manjalara akan dipohon dalam Rancangan Malaysia ke -12. Sekian, terima kasih.